

Newspaper	Berita Harian
Date	13/5/2013

## Pengundi muda ubah landskap politik negara

BH-13/5/2013

Terdapat perbezaan ketara antara pemikiran Melayu bandar dengan 'Melayu totok' di luar bandar dalam membuat pemilihan pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) yang baru lalu.

Melayu bandar yang rata-rata lebih berpendidikan dan memegang jawatan tinggi sama ada dalam sektor awam mahupun swasta lebih berfikiran liberal dan cenderung membuat keputusan sendiri.

Namun, mereka mudah terdedah kepada putar belit dan dakyah pembangkang sehingga merasakan bahawa agenda 'Ubah' dianggap seolah-olah wahyu yang turun dari langit.

Ketua Penerangan PERKASA, Ruslan Kassim, berkata golongan ini terperangkap dalam serkap jarang politik itu hingga sanggup menyokong parti pembangkang berbanding kerajaan yang banyak berjasa memakmurkan negara.

"Ini berbeza dengan 'Melayu totok' di luar bandar yang tidak mudah terpengaruh dengan dakyah pembangkang," katanya ketika ditemui di luar Sidang Tertutup Meja Bulat mengenai Politik Malaysia dan Kerajaan di Kuala Lumpur minggu lalu.

**Ubah landskap politik negara**  
Ruslan berkata, bilangan pengundi muda yang agak besar iaitu kira-kira 3.3 juta orang pada PRU-13 lalu mengubah landskap politik negara dan undi golongan ini boleh menentukan kemenangan seseorang calon.

Katanya, golongan ini perlu diberi perhatian oleh Barisan Nasional (BN) jika ingin menambah sokongan pada PRU akan datang kerana ada lagi 3.3 juta yang belum mendaftar sebagai pemilih.

"Pada PRU-13, BN hanya mampu mendapat kira-kira 15 peratus saja undi daripada golongan itu dan keadaan ini agak menghairankan," katanya.

Antara faktor yang mempengaruhi sokongan pengundi muda dan Melayu bandar ialah penggunaan internet secara meluas oleh pakatan pembangkang sejak PRU-12 untuk menyebarkan propaganda mereka.

### Guna ruang siber

Selain ceramah umum, pakatan pembangkang menggunakan ruang siber ini dengan begitu meluas sekali untuk melakukan pelbagai asakan terhadap pemimpin UMNO dan BN dengan mengadakan cerita dan mensensasikan isu tertentu.

Kempen sebegini bergerak pantas dengan sokongan 'cyber-troopers' mereka yang mengilhamkan propaganda jahat ter-

hadap BN.

Ruslan berkata, UMNO dan BN terlewat sedikit dalam menyedari kepentingan perang siber ini kerana dibuai dengan keselesaan dan masalah dalaman parti manakala media baru yang menyokong UMNO dan BN juga mempunyai banyak kelemahan sama ada dari sudut persediaan, latihan, kewangan mahupun bahan propaganda.

"Justeru, perlu ada usaha lebih agresif untuk mendekati golongan ini bagi menarik mereka supaya menyokong perjuangan parti," katanya.

### Dipengaruhi pembangkang

Inilah cabaran baru yang perlu dihadapi oleh BN dan UMNO dalam PRU-14 sekiranya mereka tidak mahu lagi menghadapi situasi di mana dakyah pembangkang menguasai laman sosial, sekali gus mengetepikan segala jasa dan pengorbanan BN selama ini.

Sesuatu mesti dilakukan bagi mengatasi trend di mana anak muda lebih cenderung kepada parti pelbagai kaum, berikutan pegangan konsep liberalisme yang sudah menular dalam masyarakat kita.

'Touch point' BN dengan golongan belia ini masih agak kurang dan tidak mantap dan perlu dibaiki.

Sebelum PRU-13, beberapa menteri dan timbalan menteri cuba untuk mendekati golongan belia ini dengan pelbagai cara termasuk kerap menemui mereka dalam Twittup serta berhubung dengan menerusi Twitter, Facebook dan laman sosial lain.

Namun, perkara sebaliknya berlaku dan ada segelintir daripada mereka menyalah anggap sikap terbuka itu dan melakukan pelbagai angkara tidak sepatutnya.

### Bincang cara penyelesaian

Apapun, pengalaman yang dilalui BN dan UMNO itu perlu dibincangkan dalam majlis dialog, forum dan perbincangan dan penyelesaiannya difikirkan secara bersama.

Tiada gunanya menangi sesuatu yang sudah berlalu. Biarlah keputusan PRU-13 itu menjadi ikhtibar terbaik dalam usaha parti melakukan penjenamaan semula dan memperbaharui cara yang sudah lapuk dan stereotaip dalam mendekati rakyat.

Ulang tahun UMNO ke-67 yang diraikan kelmarin harus mengorak langkah ke arah memastikan parti berkenaan terus relevan. UMNO harus melangkah masuk ke era baru dengan gah untuk mendapat sokongan lebih besar daripada masyarakat Melayu dalam PRU-14.



→  
**RAZAK  
RASHID  
GHOWS**

razakghows@media  
prima.com.my